

## Perkhidmatan feri ke Pulau Tioman beroperasi seperti biasa



[Asrol Awang](#) - Mac 16, 2021 @ 8:47pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

KUANTAN: Perkhidmatan feri di Pulau Tioman, Rompin beroperasi seperti biasa walaupun pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula hari ini hingga 29 Mac ini.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Pahang, Datuk Seri Mohd Johari Hussain, berkata perkhidmatan feri dari jeti Tanjung Gemok, Rompin dan jeti Mersing, Johor akan diteruskan seperti sebelum ini.

Bagaimanapun, katanya, mereka yang menggunakan perkhidmatan itu perlu mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ketat termasuk dikehendaki mendapatkan kebenaran polis.

"Feri akan beroperasi tetapi hanya membabitkan urusan penting dan penumpang perlu menjalani ujian saringan sebelum dibenarkan menaiki feri untuk keluar dan masuk ke Pulau Tioman.

"Pejabat Daerah Rompin dan Mersing juga bersetuju memberikan kerjasama untuk memastikan mereka yang bergejala tidak dibenarkan menaiki feri," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Dalam kenyataan media semalam, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kerajaan akan melaksanakan PKPD selama dua minggu di Pulau Tioman bermula hari ini.

Katanya, sehingga kelmarin, Kementerian Kesihatan (KKM) melaksanakan 48 ujian saringan dan daripada jumlah itu sebanyak 16 kes positif direkodkan.

Mohd Johari yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tioman berkata, pegawai Jabatan Kesihatan, Jabatan Laut Malaysia dan polis akan memantau dua jeti di daratan dan jeti di pulau itu.

"Sehubungan itu, penduduk kampung yang tinggal di pulau itu dimintaengehadkan pergerakan mereka untuk memastikan tidak berlaku penularan wabak COVID-19," katanya.

Sementara itu, Mohd Johari berkata, Pejabat Daerah dan Tanah Rompin bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Tindakan Sosial Pahang (MTSB) dan agensi lain akan menyalurkan bekalan makanan kepada 900 keluarga di Pulau Tioman.

"Pusat Khidmat Tioman akan menghubungi ketua kampung untuk membantu menyalurkan bantuan itu," katanya.